

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

HLT 203 - Teater Asia Tenggara

Tarikh: 14 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

Pelajar-pelajar dinasihatkan supaya jangan menggunakan contoh-contoh teater yang sama bagi lebih daripada satu soalan.

1. Rituil merupakan satu aspek penting di dalam persembahan teater tradisional di Asia Tenggara. Bagaimanakah rituil digunakan dan apakah peranannya? Dalam perbincangan, anda perlu merujuk sekurang-kurangnya kepada tiga jenis teater tradisional dari negara-negara yang berlainan.
2. Sumbangan serta pengaruh kebudayaan India serta kebudayaan Islam terhadap teater tradisional di Asia Tenggara adalah amat besar. Bincangkan sama ada (a) sumbangan serta pengaruh kebudayaan India ataupun (b) sumbangan serta pengaruh kebudayaan Islam. Anda diperlu merujuk kepada jenis-jenis teater tradisional yang tertentu dalam perbincangan anda.
3. Bincangkan ciri-ciri pementasan yang penting di dalam "opera" Asia Tenggara. Anda perlu membuat tumpuan sekurang-kurangnya dua contoh opera di rantau tersebut di dalam perbincangan anda.
4. Pada umumnya di Asia Tenggara terdapat dua bentuk Wayang Kulit yang berbeza di mana yang pertama menggunakan patung kecil (patung sewatak) dan yang kedua menggunakan patung besar yang menggambarkan dua atau lebih watak pada setiap patung. Apakah perbezaan utama yang terdapat pada kedua-dua bentuk Wayang Kulit tersebut dari segi kesenian serta cara pementasan?

5. Tuliskan dengan ringkas mengenai empat(4) daripada istilah-
istilah yang berikut:

- (a) Yokthe Pwe
- (b) Moro-Moro
- (c) Damar Wulan
- (d) Ayang
- (e) Ramakien
- (f) Dalang Muda
- (g) Calonarang
- (h) Bayuk

-ooo000ooo-